



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	1/7/2013

Mengapa Mahathir terajui Petronas?

Harakah - 1/7/2013

KUALA LUMPUR: Kerajaan diminta untuk menjelaskan berhubung pelantikan mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai penasihat badan petroleum itu.



Raja Dato' Kamarul Bahrin

Raja Dato' Kamarul Bahrin

Shah Raja Ahmad Shah (PAS Kuala Terengganu) berkata, merujuk kepada Akta Kemajuan Petronas 1974 (PDA), kedudukan individu yang bukan lagi berkait dengan kerajaan tidak boleh memegang jawatan sebagai penasihat badan itu.

"Di bawah peruntukan apa Mahathir menjadi penasihat kepada Petroleum Nasional Berhad (Petronas) kerana merujuk Akta Kemajuan Petronas (PDA) Seksyen 5, pe-

nasihat termaktub di bawah sebuah majlis bukan individu," katanya dalam satu laporan *Harakahdaily* di Parli-
men 27 Jun lalu.

Beliau yang juga Pengerusi Angkatan Amanah Merdeka (Amanah) Terengganu turut menggesa Majlis Penasihat

Petronas ditubuhkan.

Katanya lagi, majlis itu harus meletakkan wakil kerajaan negeri yang berperanan menasihati Perdana Menteri dan membuat keputusan penting mengenai dasar petroleum dan cari gali minyak di negara ini.

Merujuk kepada Akta Kemajuan Petroleum 1974 yang meletakkan kuasa dan hak ke atas petroleum yang dimiliki oleh negeri-negeri adalah diserahkan kepada Petronas.

Sementara, sebagai balasan Kerajaan Negeri-Negeri akan dibayar bayaran tunai (Klausa 4 Akta PDA menyebut perkataan *the Governments of the relevant states*).

Selain itu, Raja Kamarul Bahrin mempertikai penganugerahan satu kawasan cari gali minyak kepada syarikat individu bernama Pexco.

Pexco milik Ananda Krishnan yang dikatakan mempunyai hubungan rapat dengan Mahathir.

"Satu kejutan kepada kami bagaimana satu kawasan besar minyak dan gas diberi kepada syarikat individu yang rapat dengan Mahathir.

"Kalau kita bandingkan ini akan menguntungkan syarikat individu tertentu, jika kita bandingkan apa yang telah berlaku di Kelantan dan Terengganu di mana royalti mereka ditarik balik sedangkan individu dapat projek besar," tegasnya